



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN
MUSTAPHA KAMAL BIN MOHAMAD DAUD

OLEH:

FATIN QAMARIAH BINTI ISMAIL (2012597119)
NIK ALISA ASMAT BINTI NIK YUSOFF (2012575073)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENEUHI KEPERLUAN
IMR 604: DOKUMENTASI LISAN

SEMESTER 5 (MAC 2014 – JULAI 2014)

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGHARGAAN.....	i
1.0 ABSTRAK.....	ii
2.0 SINGKATAN.....	iii
3.0 BIODATA PENULIS.....	iv-v
4.0 PENGENALAN.....	
4.1 PENGENALAN BIDANG LAKONAN DI MALAYSIA.....	vi
4.2 PENGENALAN MENGENAI WAWANCARA BERSAMA SENIMAN MUSTAPHA KAMAL.....	vii-viii
4.3 OBJEKTIF.....	ix
5.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	1-48
6.0 LOG WAWANCARA.....	49-56
7.0 KRONOLOGI (DIARI).....	57-64
8.0 BIODATA SENIMAN.....	65
9.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA.....	66-76
10.0 RALAT.....	77
11.0 SENARAI RUJUKAN.....	78
12.0 LAMPIRAN.....	x-xi
13.0 SENARAI GAMBAR.....	xii
14.0 INDEKS.....	xiii-xix

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami meluahkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Pendokumentasian Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, pelbagai halangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama seniman, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang tersebut.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 – Oral Documentation (Pendokumentasian Lisan). Encik Mohd Faizal yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Encik Mustapha Kamal, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan isteri beliau, Sarah Manen Ibrahim yang telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai seniman. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

1.0 ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Encik Mustapha Kamal Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Seni.

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Mustapha Kamal mengenai kerjaya beliau dalam bidang seni yang sudah hampir 30 tahun berkecimpung dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah kediaman beliau di Taman Bukit Indah, Ampang pada 12 April 2014 bermula jam 11.00 pagi sehingga jam 2.00 petang. Beliau merupakan salah seorang Artis yang versetail kerana menceburkan diri dalam bidang lakonan dari zaman muda beliau sehingga ke hari ini masih aktif. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau semasa menjadi Artis. Selain itu, temubual ini menumpukan tentang pengalaman yang beliau lalui sepanjang menjadi Pelakon. Pengarah dan pengalaman beliau dalam bidang perniagaan. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung dalam bidang perniagaan beliau sendiri, dan menjadi duta kepada syarikat-syarikat besar seperti Adidas, Camel, Bonia, Jaguar, Emerald dan lain-lain. Selain itu, beberapa pendapat beliau mengenai bidang seni di negara kita dan pendapat beliau tentang artis-artis masa kini serta perbezaannya turut dikupas dalam transkrip ini.*

Kata kunci : *Encik Mustapha Kamal, pelakon, berlakon, tukang masak, drama, filem*

2.0 SINGKATAN

FINAS – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

HSC – High School Certificate

RTM- Radio Televisyen Malaysia

SMSI – Sekolah Menengah Sultan Ismail

TV1 – Radio Telebisyen Malaysia 1

TV2 – Radio Televisyen Malaysia 2

TV3 – Sistem Televisyen Malaysia Berhad